

## **BAB VI**

### **RUMUSAN DAN PENUTUP**

#### **6.1 PENGENALAN**

Bab ini merupakan bahagian terakhir dari keseluruhan kajian dan sebagai penutup kepada kajian ini. Bahagian ini akan memfokuskan perbincangan mengenai rumusan dan cadangan kajian yang meliputi cadangan dari segi bimbingan ibadat haji di Indonesia dan undang-undang pelaksanaan ibadat haji. Setelah itu, dilanjutkan dengan cadangan untuk kajian lanjutan dan diikuti oleh penutup, rujukan dan lampiran-lampiran.

#### **6.2 RUMUSAN DAN ANALISIS KAJIAN**

Isu-isu yang berkaitan ibadat haji antara dua fahaman besar yang berkembang di Indonesia iaitu KEMENAG dan PERSIS atau dengan kata lain antara ulama KEMENAG dan PERSIS banyak sekali hikmah yang dapat dipetik meskipun secara teori. Antaranya menambahkan lagi khazanah keilmuan dan perbendaharaan ilmu-ilmu Islam sebagai dasar dan tolak ukur dalam kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara, selagi mana perbezaan itu dijadikan sebagai “rahmat”. Namun kenyataannya perbezaan tersebut kadang-kadang menjadi jurang pemisah antara satu dengan yang lain dengan menganggap pendapatnya yang benar, sementara fahaman yang lain adalah salah dan sesat, terutamanya dari segi praktikalnya dalam pelaksanaan ibadat haji dan umrah. Oleh itu, dari keseluruhan analisis kajian, pengkaji berhasil menemukan atau merumuskan dua faktor utama yang menjadi penyebab wujudnya beberapa

permasalahan dalam isu-isu ibadat haji dan perlaksanaannya di Indonesia, antaranya seperti berikut:

Faktor utama, kandungan fatwa-fatwa ulama mengenai pelaksanaan ibadat haji yang masih mengandungi beberapa kelemahan ataupun kekurangan dalam hal dasar hukum pelaksanaan ibadat haji yang diperakui sebagai mazhab Ahlusunnah oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI) ialah berpegang kepada hukum salah satu daripada empat mazhab, iaitu Syafii, Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbalī. Sedangkan hukuman yang melanggar atau keluar daripada mazhab tersebut di atas atau dakwaan mereka yang anti mazhab menyebabkan pelaksanaan ibadat haji yang tidak selesa, kerana sering melontarkan tuduhan-tuduhan terhadap fahaman yang salah, malah sesat dan bidaah. Walhal secara jelas Islam mengajarkan “*al-Ikhtilāf Raḥmah*” bukan sebaliknya menjadi penyebab jurang pemisah antara sesama ikhwan dan akhawat, muslimin dan muslimat.

Faktor kedua, sistem pelaksanaan ibadat haji yang bersifat semi pemerintah yang dipertanggungjawab kepada dua institusi, iaitu KEMENAG milik pemerintah dan KBIH Persis (di antaranya) milik swasta, ternyata telah menimbulkan beberapa permasalahan seperti berikut:

- 1) Telah menjadi tanggungjawab KEMENAG untuk memberi kemudahan serta keselesaan kepada para jemaah yang berdaftar melaluinya. Selaras dengan matlamatnya itu, KEMENAG tidak pernah lokek untuk menggabungkan pengalaman, kemahiran serta memberi kerjasama kepada syarikat-syarikat swasta bagi membantu dan membentuk pengurusan yang lebih profesional dan berkemampuan dalam hal pengendalian jemaah haji di Makkah. Namun begitu, KEMENAG tidak dapat elak daripada menghadapi masalah-masalah yang timbul ekoran dari wujudnya syarikat atau KBIH tersebut. Setiap KBIH swasta mesti mendapat kelulusan daripada KEMENAG, dan tertakluk kepada peraturan-

peraturan KEMENAG dan pihak berkuasa Arab Saudi. Walaupun masih di bawah kelolaan KEMENAG, tetapi itu hanya sebahagian sahaja dan sebahagian yang lain adalah di bawah tanggungjawab KBIH itu sendiri. Tetapi, apabila ada sebarang masalah, semua kesalahan dan juga tuduhan dilemparkan kepada pihak KEMENAG. Sudah tentu itu tidak berasas sedangkan segala perbelanjaan juga keuntungan dinikmati oleh KBIH tersebut. KBIH Persis misalnya, adalah sebuah kelompok bimbingan swasta yang mendapat kebenaran dari pihak kerajaan untuk melaksanakan bimbingan jemaah haji secara bebas (*independent*). Walaupun demikian diharapkan masih mengacu kepada sistem yang dilaksanakan oleh kerajaan iaitu KEMENAG, tetapi kelompok bimbingan swasta tersebut enggan mengikut program kerajaan malah banyak sekali pendapat-pendapat yang bercanggah dengan fatwa-fatwa Majlis Ulama Indonesia terutama dalam hal pelaksanaan ibadat haji, kerana mereka menganggap pelaksanaan ibadat haji yang diselenggarakan oleh KEMENAG banyak bercanggah dengan apa yang diajarkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan sistemnya kurang efektif dan efisien.

- 2) Banyak kemampuan KBIH yang wujud di Indonesia dari segi sumber manusia yang betul-betul memahami sistem pelaksanaan bimbingan dan hukum-hukum yang berkaitan dengan ibadat haji masih sangat kurang. Di samping itu, memanfaatkan sistem komputer secara “online” dalam memahami inti pati bimbingan dan cara pelaksanaan ibadat haji setakat ini masih belum maksimum. Padahal jumlah calon jemaah haji ataupun yang sudah menjadi jemaah di Indonesia cukup besar dan jangkauannya amat luas yang sememangnya memerlukan sistem tersebut agar segala maklumat dapat diterima dan disampaikan dengan mudah, cepat dan menyeluruh.
- 3) Banyaknya jumlah Kelompok Bimbingan Ibadat Haji (KBIH) di Indonesia yang berlainan fahaman telah menimbulkan beberapa masalah terutama dalam hal

bimbingan dan pelaksanaannya di Tanah Suci Makkah. Pelaksanaan bimbingannya beraneka ragam. Pelaksanaan ibadah hajinya di Tanah Suci juga berbeza-beza. Oleh kerana selain terlalu ramainya jumlah jemaah yang mesti mendapatkan bimbingan ditambah lagi dengan cara bimbingan dan fahamannya yang berbeza, akhirnya menimbulkan perkara-perkara yang kurang baik dalam hal pengurusan ibadah haji di Tanah Suci.

- 4) Kurangnya sosialisasi kepada umat Islam mengenai kewujudan undang-undang pelaksanaan ibadah haji umrah di Indonesia yang dikeluarkan oleh KEMENAG di samping terbatasnya pengetahuan mereka mengenai hal ehwal ibadah haji. Terutama sekali pengetahuan berkaitan objek bimbingan dan pelaksanaan ibadah haji semasa di Tanah Suci. Selain itu, sosialisasi mengenai pentingnya hidup bermazhab dan mengikut salah satu dari empat mazhab yang muktabar kurang didedahkan kepada umat Islam.
- 5) KEMENAG kurang optimum dalam mengatur sistem pelaksanaan ibadah haji di Indonesia. Hal tersebut terbukti masih banyak KBIH swasta seperti KBIH Persis yang tidak mengikut sistem pelaksanaan ibadah haji yang dianjurkan oleh KEMENAG. Selain itu, belum wujud kesepakatan antara dua badan tersebut dalam menentukan masalah hukum yang berkaitan ibadah haji ini yang berpunca daripada perbezaan pendapat dalam mengistinbatkan hukum dari nas al-Quran dan hadis.

Faktor ketiga, analisis yang berbeza dalam penentuan hukum Islam antara KEMENAG dan PERSIS ternyata dapat menimbulkan beberapa permasalahan hukum, antaranya:

- 1) Antara faktor yang akan mendekatkan jarak antara para da'i Islam dalam masalah-masalah *khilāfiyyah* ialah sikap tidak memastikan dalam masalah-masalah *ijtihādiyyah* yang mengandung dua pendapat atau lebih. Demikian pula dengan menolak pendapat orang lain. Para ulama telah menegaskan bahawa tidak boleh ada penolakan dari seseorang kepada orang lain dalam masalah-masalah *ijtihādiyyah*. Seorang *mujtahid* tidak boleh menolak pendapat *mujtahid* yang lain. Demikian pula, seorang *muqallid* (pengikut) tidak boleh menolak seorang *muqallid* yang lain, apatah lagi menolak seorang *mujtahid*. Ternyata sebaliknya yang berlaku pada jemaah KEMENAG dan organisasi PERSIS, yang mana mereka kurang menghargai ijtihad golongan lain. PERSIS menolak adanya taklid sedangkan KEMENAG membenarkan. Masing-masing menganggap ijtihad mereka yang paling benar dan yang lain adalah salah.
- 2) Antara hal yang perlu dijaga untuk menyatukan umat Islam atau setidaknya mendekatkan jarak dan menghilangkan jurang sesama mereka ialah mengikuti *manhaj* “pertengahan” yang mencerminkan *tawāzun* (keseimbangan) dan keadilan, jauh dari sikap berlebihan atau mengurangi ajaran. Dalam hal ini baik jemaah KEMENAG ataupun PERSIS, masing-masing masih memiliki sikap berlebih-lebihan dalam permasalahan hukum agama terutamanya dalam masalah ibadat haji. Sehingga menemukan jurang pemisah yang cukup ketara iaitu antara hukum wajib bermazhab dan anti mazhab.
- 3) Sebahagian kelompok aktivis Islam begitu besar perhatiannya terhadap masalah-masalah *khilāfiyyah*, sehingga menjadi tumpuan perbincangan, kajian dan perdebatan. Malah kadang-kadang dipertahankan melalui “perang mulut” dan permusuhan. Ternyata antara jemaah KEMENAG dan organisasi PERSIS masih menonjolkan perkara *khilāfiyyah* tersebut sehingga menimbulkan pertentangan

yang cukup ketara dalam pelbagai masalah agama terutama sekali dalam hukum pelaksanaan ibadat haji.

- 4) Jika bekerjasama dalam masalah yang disepakati adalah kewajipan, apatah lagi perlunya bertoleransi dalam masalah yang diperselisihkan. Toleransi yang dimaksudkan adalah tidak fanatik kepada suatu pendapat yang bertentangan dengan pendapat lain dalam masalah-masalah *khilāfiyyah* atau kepada satu mazhab dan seorang imam yang bertentangan dengan mazhab dan imam lainnya. Dan antara faktor yang akan membantu lahirnya sikap tolak ansur mengenai masalah *khilāfiyyah* ialah mengkaji perbezaan pendapat para ulama agar diketahui kepelbagaian mazhab dan bervariasinya sumber pengambilan hukum. Ini kerana setiap mazhab mempunyai sudut pandang dan dalil-dalil yang melandasinya. Realiti yang berlaku adalah setiap fahaman jemaah KEMENAG dan organisasi PERSIS adalah ekstrem, fanatik terhadap fahaman yang mereka yakini, baik ianya fanatik terhadap peribadi, fanatik terhadap mazhab, fanatik menentang mazhab dan para imamnya, sehingga menimbulkan kesan hubungan yang kurang baik terhadap golongan yang tidak sefahaman dengan mereka. Ertinya kurang bertolak ansur terhadap fahaman orang lain.

Faktor keempat, dari segi dasar hukum pelaksanaan ibadat haji di Indonesia umumnya berasaskan kepada empat mazhab yang muktabar, dan perbezaan pendapat di kalangan para ulama tersebut menyebabkan nuansa pelaksanaan ibadat haji di Indonesia juga beraneka ragam. Perbezaan pendapat dalam lapangan hukum sebagai hasil penelitian (*ijtihad*), sepatutnya tidak perlu dipandang sebagai faktor yang melemahkan kedudukan hukum Islam. Malah sebaliknya boleh memberikan kelonggaran kepada orang untuk bebas memilih salah satu dari empat mazhab yang

muktabar. Tetapi menurut analisis pengkaji, antara sebab-sebab utama terjadi *ikhtilāf* di kalangan para ulama (*mujtahidīn*) adalah seperti berikut:

A. *Sebab-sebab Luaran (Eksternal) iaitu:*

- 1) Perbezaan perbendaharaan hadis setiap *mujtahid*. Hal ini terjadi kerana ada sahabat yang sukar ditemui oleh kerana waktu dan tempat yang jauh dan juga ada sahabat yang dapat ditemui tetapi pergaulan mereka dengan Rasulullah SAW turut menentukan banyak atau sedikitnya hadis yang diterima.
- 2) Antara ulama dan umat Islam, ada yang kurang memerhatikan situasi pada waktu Nabi bersabda, apakah ucapan beliau itu berlaku umum atau untuk orang tertentu sahaja. Apakah perintah itu untuk selama-lamanya atau hanya bersifat sementara.
- 3) Antara ulama dan umat Islam kurang memerhatikan dan mempelajari, bagaimana caranya Nabi menjawab sesuatu pertanyaan atau menyuruh orang, kerana ada kalanya jawapan atau suruhan itu tepat untuk seseorang dan kadang-kadang tidak tepat untuk orang lain.
- 4) Antara ulama dan umat Islam banyak yang terpengaruh oleh pendapat yang diterimanya dari pemuka-pemuka dan ulama-ulama sebelumnya dengan ucapan “telah terjadi ijmak,” pada masalah-masalah yang tidak pernah terjadi ijmak.
- 5) Di antara ulama ada yang berpandangan yang terlalu berlebihan terhadap amaliah-amaliah yang disunatkan. Sehingga orang awam menganggapnya suatu amaliah yang diwajibkan dan berdosa apabila ditinggalkan.
- 6) Para sahabat yang tinggal terpisah-pisah di seluruh pelosok negeri, ada yang meriwayatkan hadis berbeza-beza, kerana mungkin lalai atau lupa, sedangkan yang mengingatkan di antara sahabat-sahabat itu tiada. Ada juga sahabat yang menerima hadis-hadis tertentu, dan tidak diterima oleh sahabat yang lainnya.

- 7) Perbezaan pandangan dalam bidang politik juga menimbulkan pendapat yang berbeza dalam menetapkan hukum Islam. Dan fahaman yang berbeza itu tidak hanya terbatas pada masalah politik sahaja, tetapi lebih jauh berpengaruh pada masalah aqidah, yang saling mengkafirkan, masalah ubudiyah yang saling menyalahkan dan masalah penetapan suatu hukum, golongan mana yang mengemukakan pendapat itu. Kalau bukan dari golongannya, serta-merta pendapat itu ditolak, kerana melihat orangnya dan bukan melihat kebenaran yang disampaikan.

#### *B. Sebab-sebab Dalaman (Internal)*

- 1) Kedudukan suatu hadis. Hadis-hadis yang datang dari Rasulullah itu melalui banyak jalan. Maka kadang-kala menimbulkan perbezaan antara riwayat yang satu dengan yang lainnya. Malah boleh juga berlawanan.
- 2) Perbezaan penggunaan sumber hukum. Para ulama dalam menetapkan suatu hukum tidak sama antara satu dengan yang lain. Hal ini disebabkan oleh perbezaan dalam penggunaan sumbernya. Sebagai contoh:
  - a. Dalam masalah hadis. Kedudukan hadis sebagai sumber hukum tidak diperselisihkan oleh para *mujtahid*. Akan tetapi yang mereka perselisihkan adalah dari segi sampai atau tidaknya suatu hadis, percaya atau tidak terhadap seorang perawi, sahih atau tidak suatu hadis.
  - b. Dalam masalah ijmak. Iaitu dalam hal menjatuhkan talak tiga sekali gus. Jumhur fuqaha mengatakan bahawa talak tiga sekali gus jatuh tiga juga dengan alasan telah diijmakkan pada masa Khalifah ‘Umar bin al-Khaṭṭāb. Sedangkan ulama



yang mengatakan, bahwa talak tiga sekali gus hanya jatuh satu dengan alasan, telah diijmakkan pada masa Nabi dan Abū Bakr.

- c. *Istihsān*. Imam Ḥanafī menggunakan istihsan dalam menetapkan hukum. Sedangkan al-Shāfi‘ī tidak memakainya.
- d. *Maṣlahah Mursalah*. Penetapan hukum dengan *maṣlahah mursalah* adalah melihat kepada kepentingan umum, walaupun kelihatannya menyimpang dari ketentuan yang biasa berlaku.
- e. *‘Urf*. Iaitu kebiasaan baik ataupun buruk. Ianya berkait erat dengan *maṣlahah mursalah*, namun hukum-hukum yang diterangkan dapat berubah-ubah mengikut sesuatu daerah.

- 3) Perbezaan pemahaman. Misalnya dalam hal yang kembali kepada lafaz iaitu kadangkala lafaz mufrad mempunyai makna lebih dari satu erti. Perkara yang kembali kepada riwayat, iaitu kadang-kadang hadis Nabi sampai kepada sebahagian imam *mujtahid* lalu diamalkannya dan tidak sampai kepada imam yang lain. Dan hal yang kembali kepada *ta‘ārūd*, iaitu pertentangan antara satu sama lain dan tidak dapat dipertemukan, seperti dua dalil yang masing-masing menafikan apa yang ditunjukkan oleh dalil-dalil yang lain.

Setelah mengetahui sebab-sebab utama timbulnya perbezaan pendapat di kalangan ulama dalam menentukan suatu hukum, terdapat juga beberapa kelemahan yang akan muncul di kalangan jemaah haji Indonesia sebagai natijah dari perbezaan pendapat atau khilafiah dalam masalah ibadat haji khususnya, antaranya ialah:

- 1) Masalah *khilāfīyah* boleh menjadi sebab tidak harmonisnya di kalangan umat Islam kerana sikap fanatik (*ta'ashūbiyyah*) yang berlebihan, tidak berdasarkan pertimbangan akal sihat dan sebagainya.
- 2) Masalah *khilāfīyah* menyebabkan munculnya sikap berbangga diri dan mengagumi pendapat sendiri, buruk sangka kepada orang lain dan mudah menuduh orang lain tanpa bukti, egoisme dan mengikuti hawa nafsu, fanatik kepada negeri, daerah, parti, jemaah atau pemimpin. Dan ikhtilaf yang timbul kerana perangai yang tercela ini adalah perselisihan yang tidak terpuji, malah masuk dalam kategori perpecahan.
- 3) Dua sikap di atas (no. 1 dan no. 2) adalah berlaku antara dua badan hukum yang mempunyai pandangan yang berbeza dalam hukum bermazhab, iaitu KEMENAG yang majoritinya bermazhab Syafii, sedangkan PERSIS menentang keras mengenai hukum bermazhab. Dan isu perbezaan pendapat ini teraplikasi dengan jelas dalam pelaksanaan ibadat haji selama di Tanah Suci. Sikap seperti ini semestinya tidak perlu berlaku, kerana Islam sama sekali tidak mengajarkan untuk saling benci, saling menyalahkan, mengkufurkan dan membidaahkan golongan yang tidak sefahaman dengannya, sebaiknya Islam mengajarkan kepada kita untuk hidup rukun, damai dan tenteram, menghormati antara satu dengan yang lain walau berbeza fahaman sekalipun.

### **6.3 SARANAN DAN CADANGAN**

Dalam perbincangan ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan bagi kemajuan bimbingan ibadat haji yang diselenggarakan oleh dua institusi besar di Indonesia iaitu KBIH di bawah naungan KEMENAG dan KBIH Persis, sebagai alternatif dari beberapa kekurangan dan kelemahan yang ditemui dalam aplikasi Undang-undang Negara

mengenai pelaksanaan haji di Indonesia dan juga perbezaan pendapat yang cukup ketara dalam pelaksanaan ibadat haji antara kedua-dua institusi tersebut. Cadangan-cadangan tersebut adalah seperti berikut:

### **6.3.1 Dari Segi Isu Bermazhab**

Antara isu yang paling menonjol antara KEMENAG dan organisasi PERSIS ialah perkara bermazhab. Adakah wajib mengikuti salah satu mazhab ataupun tidak perlu mengikuti mana-mana mazhab.

Fahaman yang dianjurkan oleh kerajaan Indonesia di bawah wewenang KEMENAG khususnya Majlis Ulama Indonesia (MUI) dalam menentukan atau memfatwakan suatu hukum adalah wajib berpegang kepada salah satu empat imam mazhab yang muktabar khususnya mazhab Syafii. Sementara organisasi PERSIS mewajibkan kepada para pengikutnya untuk meninggalkan mana-mana mazhab kecuali al-Quran dan hadis dengan alasan setiap orang boleh berijtihad dan boleh merujuk secara langsung kepada kedua sumber hukum Islam tersebut.

Mazhab menurut bahasa Arab ertinya jalan yang dilalui. Tetapi dalam istilah syariat Islam bererti fatwa atau pendapat seorang imam *mujtahid*.

Mengenai hukum bermazhab, terdapat perbezaan pendapat antara mazhab Ahlu sunnah dengan fahaman Wahabiah yang menjadi pegangan fahaman PERSIS yang mengharamkan untuk bermazhab. Terjadinya percanggahan ini kerana adanya permasalahan mengenai dibolehkan bertaklid atau tidak.

Taklid dalam syariat Islam ertinya mengikut. Apakah mengikut itu dengan mengetahui dalil-dalil yang didapati oleh imam-imam *mujtahid* atau tidak tetapi hanya

diketahui fatwanya, maka kedua-duanya dinamakan bertaklid kepadanya. Istilah “*taqlīd*” bukan suatu hal yang buruk. Ianya dipakai dalam dunia Islam semenjak dahulu sampai sekarang. Malah banyak ulama dalam dunia Islam berbangga bila bertaklid kepada salah satu imam *mujtahid*.

Sudah diketahui ramai bahawa taklid kepada imam *mujtahid* bukan bererti meninggalkan al-Quran dan sunnah. Malah taklid itulah yang pada hakikatnya menjalankan dan mengikuti Kitab dan sunnah dengan setepat-tepatnya.”

Secara umumnya, terdapat tiga golongan manusia:

- a. Orang yang memiliki ilmu tinggi dan sudah sampai kepada darjat imam *mujtahid mutlaq*. Golongan ini harus berijtihad malah wajib berijtihad sekiranya dalam negeri itu tiada orang lain yang setanding dengan ilmunya. Ia juga tidak boleh membatalkan ijtihad imam *mujtahid* yang terdahulu daripadanya.
- b. Orang yang belum sampai kepada peringkat darjat imam *mujtahid mutlaq*. Golongan ini wajib bertaklid kepada salah seorang imam *mujtahid* yang dikehendaknya. Tetapi ia dianjurkan agar menyelidiki dalil-dalil dari fatwa imam tersebut.
- c. Orang awam yang wajib bertaklid kepada salah seorang imam dalam agamanya. Jika tidak, mereka tidak akan sanggup menjalankan hukum agamanya dengan baik atau malah tidak sanggup beragama sama sekali.

Dari keterangan di atas jelas bahawa, isu bermazhab bukan merupakan suatu hal yang dilarang. Malah dianjurkan terutama bagi golongan orang awam yang tidak layak baginya untuk berijtihad. Dasar inilah yang menjadi pegangan KEMENAG untuk

berpegang kepada salah satu imam mazhab yang muktabar terutamanya imam al-Shāfi‘ī.

Di sisi lain, PERSIS bersungguh-sungguh menentang adanya kewajiban bermazhab dengan alasan pintu ijtihad terbuka bagi siapa sahaja dan boleh merujuk kepada al-Quran dan hadis secara langsung. Alasan lain adalah berdasarkan hadis Nabi yang bermaksud: *“Apabila seseorang berijtihad kemudian benar dalam ijtihadnya maka baginya dua pahala, dan apabila seseorang berijtihad kemudian salah dalam ijtihadnya maka baginya satu pahala.”* Maka atas dasar inilah fahaman PERSIS sangat menganjurkan agar setiap orang boleh berijtihad walaupun sebenarnya belum layak untuk menjadi seorang *mujtahid*.

Untuk menengahi kedua-dua fahaman tersebut, yang menjadi sumber perbezaan pelaksanaan ibadat mahupun muamalat di Indonesia, terutamanya masalah ibadat haji. Dalam hal ini, pengkaji menyarankan agar tidak terlalu fanatik terhadap mazhab yang boleh menimbulkan permusuhan dan persengketaan sesama muslim.

Seorang pengikut salah satu mazhab, mazhab Syafii misalnya, meyakini sepenuhnya bahawa mazhab yang diikutinya adalah benar dan tidak terkeluar daripada landasan al-Quran, hadis, ijmak dan qiyas. Tetapi bukan bermakna ia melihat pendapat yang lain salah, sementara pendapatnya sahaja yang benar, sehingga memandang rendah pendapat orang atau mazhab lain.

Kita hendaklah fleksibel untuk mengikut mana-mana mazhab yang lebih bersesuaian dengan kita selain mazhab Syafii, seperti mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Akan tetapi bukan seperti bersifat “*talfīq*” yang ertinya mempermudah atau meringan-ringankan sesuatu hukum dan mengikuti pendapat yang menurutnya lebih sesuai untuk dilaksanakan dalam satu waktu dan tidak pada masa yang lain. Dengan

kata lain suka mencampuradukkan mazhab, kerana sifat tersebut sangat dicela dalam agama.

Meskipun agama melarang untuk fanatik pada mazhab dan memerintahkan agar fleksibel mengikut mana-mana mazhab yang muktabar, tetapi bukan bermakna kita meninggalkan untuk bermazhab, kerana perkara tersebut adalah mustahil. Sebab ikhtilāf dalam *furū'* masalah hukum agama adalah wajib berlaku. Selain itu, Nabi telah bersabda yang bermaksud "*Ulama adalah pewaris para Nabi.*" Apabila bermazhab itu dilarang seolah-olah hukum yang terkandung dalam hadis tersebut tidak berlaku, kerana apa yang disampaikan oleh para ulama itu adalah ucapan Allah dan Rasul-Nya. Maka wajib untuk diikuti selagi mana mereka mengikut al-Quran dan hadis. Ungkapan ini bukan bermakna dilarang untuk bermazhab.

### **6.3.2 Dari Segi Isu Sistem Pelaksanaan Ibadat Haji di Indonesia**

Dalam hal ini, pengkaji melihat bahawa sudah masanya sistem pelaksanaan bimbingan di Indonesia direformasi atau dinaiktarafkan percubaannya dari sistem pelaksanaan semi pemerintah kepada pelaksanaan pemerintah atau negara. Hal tersebut perlu diusahakan sebagai alternatif daripada kelemahan sistem pelaksanaan bimbingan yang sedia ada yang justeru kelemahan tersebut menjadi salah satu faktor penyebab tidak maksima dan kurangnya keberkesanan dalam pelaksanaan bimbingan ibadat haji di Indonesia terutama ketika berada di Arab Saudi.

Menurut pengkaji, terdapat beberapa alasan atau pertimbangan yang menjadi latar belakang cadangan pembentukan sistem pelaksanaan bimbingan ibadat haji oleh pemerintah atau negara di Indonesia, iaitu:

1. Berdasarkan kepada pengalaman sejarah bahawa semenjak zaman penjajah Belanda sehingga sekarang, sistem pelaksanaan ibadat haji di Indonesia masih

diberi kepercayaan kepada institusi pemerintah dan swasta. Misalnya, KBIH Kemenag dan KBIH Persis dan lain-lain. Sementara itu, kesan bimbingan yang dicapai masih sangat sedikit dan masih jauh dari keberkesanan yang diharapkan. Keberkesanannya tentu sangat tidak signifikan dengan program-program bimbingan yang sedang diusahakan oleh seluruh kelompok bimbingan ibadat haji pemerintah mahupun swasta di Indonesia dalam mengatasi ketidakfahaman para calon jemaah untuk melaksanakan ibadat haji dengan sempurna. Sehingga harapan untuk mendapat haji yang mabrur dapat dipenuhi.

2. Bagi bangsa Indonesia, penyelenggaraan ibadat haji merupakan tugas nasional. Ini kerana di samping berkaitan dengan kesejahteraan lahir batin jemaah haji, ianya juga bersangkut paut dengan nama baik dan martabat bangsa Indonesia di luar negeri, khususnya di Arab Saudi. Mengingatkan perlaksanaannya bersifat massa dan berlangsung dalam jangka waktu yang terbatas, penyelenggaraan ibadat haji memerlukan pengurusan yang baik agar tertib, aman dan lancar. Peningkatan pembinaan, pelayanan, dan perlindungan terhadap jemaah haji diusahakan melalui penyempurnaan sistem dan pengurusan penyelenggaraan ibadat haji. Penyempurnaan sistem dan pengurusan tersebut dimaksudkan agar calon jemaah haji/jemaah haji lebih bersedia dan berdikari dalam menunaikan ibadat haji sesuai dengan tuntunan agama sehingga memperoleh haji mabrur. Usaha peningkatan dan penyempurnaan tersebut dilaksanakan dari tahun ke tahun agar tidak berulang kembali kesalahan dan/atau kekurangan yang terjadi masa-masa sebelumnya. Untuk mencapai maksud tersebut, diperlukan suasana yang kondusif bagi warganegara yang akan melaksanakan ibadat haji. Suasana yang kondusif tersebut dapat dicapai apabila pihak penyelenggara ibadat haji mampu memberikan pembinaan, pelayanan dan perlindungan kepada calon jemaah haji dan jemaah haji.

3. Menurut syariat Islam, kewajiban menunaikan ibadat haji dan umrah sangat penting untuk dilaksanakan oleh umat Islam. Kepentingan tersebut dapat difahami menerusi beberapa ayat mengenai ibadat haji dan umrah di dalam al-Quran mahupun hadis, malah Rasulullah SAW sendiri menegaskan akan mati dalam keadaan jahiliyah jika mampu tetapi tidak melaksanakan ibadat haji dan umrah. Oleh yang demikian, ulama telah berijmak bahawa pelaksanaan tersebut perlu melibatkan pemerintah dan negara, terutama sekali dari segi bimbingan dan pelaksanaan ibadat haji itu sendiri. Ini kerana hanya pemerintah yang memiliki kuasa penuh untuk membuat penguatkuasaan dan menjalankan penyiasatan terhadap lembaga-lembaga atau kelompok bimbingan yang tidak menjalankan bimbingan dengan sempurna dan penyampaian mata pelajaran yang tidak profesional.
4. Sebahagian besar penduduk Indonesia merupakan penganut agama Islam, iaitu sekitar 85 % dan sebahagian besar para pemimpinnya juga beragama Islam. Apabila merujuk kepada ketetapan Undang-undang Nombor 17 Tahun 1999 mengenai Penyelenggaraan Ibadat Haji, dan keputusan menteri agama republik Indonesia Nombor 371 tahun 2002 mengenai Penyelenggaraan Ibadat Haji dan Umrah, dan juga keputusan direktori jenderal bimbingan masyarakat Islam dan penyelenggaraan haji Nombor D/377 Tahun 2002 mengenai Petunjuk Pelaksanaan Penyelenggaraan Ibadat Haji dan Umrah, maka pengurusan ibadat haji dan umrah di Indonesia sememangnya sangat layak dan tepat diserahkan kepada pemerintah atau negara, dan dinaikkan taraf pengelolaannya dari semi pemerintah kepada pemerintah atau negara sepenuhnya.

### **6.3.3 Dari Segi Isu Kandungan Undang-undang Penyelenggaraan Ibadat Haji**

Penyelenggaraan ibadat haji di Indonesia sekarang telah diatur dalam Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 17 Tahun 1999. Undang-undang tersebut



mengandung beberapa peraturan penting mengenai aktiviti-aktiviti perancangan, pentadbiran, pelaksanaan, pengawasan terhadap pelaksanaan bimbingan bagi calon jemaah haji atau jemaah haji di Indonesia dan Arab Saudi yang diserahkan kepada KBIH Kemenag dan KBIH Persis dan juga KBIH swasta yang lain.

Meskipun demikian, penyelenggaraan ibadat haji tersebut masih belum maksima dan kurang berkesan kerana beberapa kelemahan yang masih ditemui dalam kandungan undang-undang penyelenggaraan ibadat haji tersebut berkaitan hukum atau tindakan bagi jemaah yang tidak mengikuti program bimbingan secara sempurna dan tidak memahami secara benar pelajaran yang disampaikan mengenai tata cara ibadat haji. Di samping itu, ada beberapa permasalahan khilafiah mengenai pelaksanaan ibadat haji yang tidak dinyatakan secara jelas dan tegas dalam undang-undang penyelenggaraan ibadat haji.

Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar pemerintah sebagai penguasa yang mempunyai kuasa untuk menetapkan suatu hukuman yang sesuai bagi jemaah yang lalai atau sengaja tidak mengikuti program bimbingan, sebagaimana hukuman yang telah ditetapkan ke atas KBIH dan petugas-petugas haji yang lalai dan melanggar peraturan undang-undang penyelenggaraan haji. Manakala dari segi permasalahan khilafiah, pemerintah hendaklah bekerjasama dengan para ulama dan cendekiawan Islam agar bersama-sama mengkaji permasalahan tersebut sehingga umat Islam di Indonesia dapat memiliki panduan hukum yang jelas dan tegas dalam permasalahan khilafiah tersebut. Ini kerana dalam sistem politik Islam (*fiqh al-siyāsah*) telah dinyatakan bahawa pemerintah berkewajipan memutuskan perkara yang menjadi khilafiah umat Islam (*al-Imām yarfa‘ al-khilāf*).

#### 6.3.4 Dari Segi Isu Fahaman yang Berkembang di Indonesia

Sudah menjadi sunnatullah bahawa di dunia ini saling berpasang-pasangan, ada yang hak dan ada pula yang batil, ada yang membenarkan dan ada pula yang menyalahkan, demikian pula fahaman-fahaman yang berkembang tentunya ada pro dan kontra. Di Indonesia khususnya telah berkembang terlalu banyak fahaman dan aliran, ada yang sunni dan ada yang benar-benar keluar dari Ahlusunnah Waljamaah.

Antara fahaman-fahaman tersebut ada yang memiliki dasar syariat yang jelas, seperti al-Quran, hadis, ijmak dan qiyas, seperti fahaman Ahlusunnah Waljamaah yang berpegang kepada salah satu imam mazhab yang muktabar, ada juga fahaman yang menolak ijmak dan qiyas, seperti fahaman Salafiyyah, Wahabiyyah, Muhammadiyah, PERSIS. Ada juga fahaman yang tidak berasas sama sekali, seperti fahaman-fahaman kebatinan yang tidak jelas sumbernya, dan berkembang pesat di Indonesia.

Untuk mencegah berkembangnya fahaman-fahaman yang tidak berasas seperti di atas, maka hendaklah kerajaan bersikap tegas dan se-

rius dalam menangani isu-isu tersebut, dan memberikan *dam* serta hukuman yang keras terhadap penganut fahaman sesat. Kerana fahaman-fahaman sesat tersebut dapat merosakkan imej agama Islam yang *ḥanīf* dan mulia, maka hukuman apa yang lebih berat daripada perosak agama Allah?

Mengenai isu fahaman Wahabiyyah, Muhammadiyah, Persis adalah sama pada prinsipnya, iaitu sama-sama menolak ijmak dan qiyas, dan menolak bertaklid kepada salah satu dari empat imam mazhab yang muktabar. Fahaman ini yang dijadikan sandaran oleh organisasi PERSIS dalam pelaksanaan ibadat haji, sedangkan fahaman Ahlu Sunnah yang umumnya dikenal di Indonesia menjadi sandaran bagi KEMENAG, yang masih tetap mengikuti salah satu daripada empat mazhab yang muktabar.

Untuk meneutralkan masalah fahaman yang berkembang di Indonesia, yang kadang-kadang menimbulkan fenomena yang kurang nyaman, terutama sekali berkaitan masalah pelaksanaan ibadat haji. Maka dalam hal ini pihak pemerintah hendaklah membuat satu konsep keseragaman dalam bimbingan dan inti pati yang disampaikan kepada calon atau jemaah haji sendiri, iaitu dengan cara menetapkan salah satu mazhab, seperti imam al-Shāfi‘ī misalnya untuk dijadikan sebagai panduan. Pemerintah juga hendaklah memberikan ketegasan dalam hal ini, maka dengan cara ini ketidaktertiban dalam pelaksanaan ibadat haji tidak akan berlaku, atau setidaknya mengurangi kadar jurang pemisah antara satu fahaman dengan fahaman yang lain.

### **6.3.5 Dari Segi Isu Hukum Pelaksanaan Ibadat Haji**

Jika dilihat dan diperhatikan dengan cermat, terdapat banyak sekali perbezaan pendapat dalam masalah ibadat haji dan umrah, baik dalam kalangan ulama *mujtahid* amnya dan ulama Indonesia khususnya. Tentunya masing-masing memiliki dasar dan hujah yang dapat dipertanggungjawabkan, kerana yang benar adalah apabila hukum Islam tersebut dibangunkan atas empat dasar yang disebut sebagai sumber hukum. Keempat-empat sumber itu ialah al-Quran, hadis, ijmak dan qiyas, sebagai dalil-dalil syarak yang sudah disepakati. Sedangkan *Istihsān*, *Maṣlahah Mursalah*, *‘Urf*, *Istiṣhāb*, syariat sebelum umat Islam dan mazhab sahabat dinamakan dalil-dalil syarak yang tidak disepakati. Manakala yang salah apabila hukum itu tidak disandarkan kepada dalil-dalil seperti di atas. Jadi, maksudnya selama mana hukum itu mempunyai landasan yang kuat, cara *istinbāt* hukum yang mengikuti kaedah-kaedah yang benar, dan memiliki keilmuan yang cukup untuk berijtihad dalam mengeluarkan sesuatu fatwa maka hukum itu adalah benar dan boleh diikuti, seperti yang kita kenali imam mutlak yang muktabar al-Shāfi‘ī, Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbalī. Mereka semua adalah imam-imam besar yang patut kita ikuti fatwanya. Justeru, bukan semua orang boleh berijtihad walaupun tiada

ilmu yang cukup sebagaimana dipegang oleh sebahagian fahaman yang dengan lantang mengatakan “anti mazhab” kerana setiap orang boleh berijtihad walaupun tidak memenuhi sama sekali syarat sebagai seorang *mujtahid*.

Perbezaan yang terjadi dalam masalah ibadat haji khususnya tidak sepatutnya menjadi penyebab terjadinya perpecahan umat Islam dengan mendakwa golongan dia yang benar dan golongan lain yang salah. Misalnya antara KEMENAG yang berpegang kepada salah satu dari empat imam mazhab dan PERSIS yang tidak berpegang mana-mana mazhab atau dengan kata lain golongan anti mazhab. Dalam pelaksanaan ibadat haji terdapat banyak sekali perbezaan pendapat, malah boleh menampakkan sikap antipati, fanatik dan saling merendahkan, di mana perkara tersebut tidak sepatutnya berlaku.

Jadi, perbezaan pendapat atau masalah khilafiah dalam lapangan hukum sebagai hasil penelitian sepatutnya tidak perlu dipandang sebagai faktor yang melemahkan kedudukan hukum Islam. Malah sebaliknya memberi kelonggaran kepada orang ramai sebagaimana yang diharapkan Nabi dalam hadisnya yang bermaksud: “*Perbezaan pendapat (di kalangan) umatku adalah rahmat.*”

#### **6.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, bahawa sesudah tiba masanya sistem penyelenggaraan haji di Indonesia direformasi iaitu dengan menaik taraf percubaan dari sistem penyelenggaraan semi pemerintah kepada pengelolaan pemerintah atau negara. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar dibentuk sebuah kementerian yang khusus menguruskan urusan ibadat haji di seluruh Indonesia. Kementerian tersebut dinamakan Kementerian Urusan Ibadat Haji dan Umrah yang dipimpin oleh seorang

Menteri yang berpusat di Jakarta dan mempunyai cawangan-cawangan di setiap negeri di seluruh Indonesia. Kementerian tersebut hendaklah ditadbir oleh gabungan orang-orang yang berlatar belakang pendidikan agama dalam bidang hukum Islam khususnya bidang kajian fiqh ibadat yang betul-betul memahami bidang mereka.

Kementerian khusus tersebut hendaklah menggunakan sistem pengurusan moden sepertimana yang diguna pakai dalam sistem pengurusan Lembaga Tabung Haji di Malaysia supaya pengurusan penyelenggaraan ibadat haji lebih maksima dan berkesan. Penilaian kerja hendaklah dilakukan setiap tahun dan diumumkan kepada seluruh umat Islam sama ada melalui media cetak mahupun elektronik. Hasil keuntungan pendapatan dari penyelenggaraan ibadat haji tersebut hendaklah dimanfaatkan sebaik mungkin untuk membangunkan sarana dan prasarana haji yang diperlukan demi tertibnya pelaksanaan haji dan terjaminnya keselesaan bagi para jemaah sehingga harapan untuk mendapatkan haji yang mabrur dapat dipenuhi.

Hal ini perlu dilakukan kerana umat Islam di Indonesia pada umumnya memahami bahawa tanggungjawab pemerintah dalam pelaksanaan syariat haji semestinya dibebankan kepada KEMENAG pusat atau wilayah,. Padahal pengelolaan penyelenggaraan haji tersebut sangat erat kaitannya dengan bidang pengurusan (*administration*) dan penguatkuasaan terhadap kepatuhan melaksanakan aturan yang telah ditetapkan. Sementara itu, kemampuan KEMENAG dari segi sumber manusia yang memahami, menghayati dan berdedikasi tinggi sangat terbatas. Oleh itu, bidang pengurusan penyelenggaraan haji sebenarnya lebih tepat diserahkan kepada para ustaz yang memiliki latar belakang pendidikan mengenai pengurusan, pentadbiran dan yang sudah berpengalaman. Bukan diserahkan kepada mereka yang memiliki latar belakang agama sahaja sepertimana berlaku di Indonesia pada hari ini.

Selain itu, untuk menjaga ketertiban pengurusan dalam penyelenggaraan ibadat haji dan kenyamanan para jemaah dan juga untuk menghindari perbezaan yang terlalu ketara antara KEMENAG dan PERSIS. Disebabkan oleh fahaman mereka yang berbeza, maka hendaklah para ulama dari kedua Kelompok Bimbingan Ibadat Haji tersebut berkumpul dan bermusyawarah untuk mengambil kata sepakat bahawa cara pelaksanaan ibadat haji hendaklah mengikut pendapat jumur ulama, tidak boleh keluar dari salah satu empat mazhab atau lebih khususnya demi keseragaman sepertimana dilakukan oleh Tabung Haji Malaysia hendaklah mengikut mazhab Syafii. Pemerintah juga hendaklah mengambil sikap dan ketegasan dalam hal ini, misalnya diwajibkan bagi setiap KBIH pemerintah mahupun swasta memakai konsep bimbingan dan pelaksanaan yang sama di bawah naungan KEMENAG, bukan membawa pendapat dan fahaman masing-masing sepertimana yang berlaku di Indonesia pada hari ini.

## **6.5 PENUTUP**

Salah satu lembaga pemerintah yang bergerak dalam bidang keagamaan di Indonesia, terutamanya mengenai penyelenggaraan ibadat haji iaitu lembaga KEMENAG yang ditubuhkan serupa dengan institusi-institusi lain yang terdapat di Indonesia yang mana tertakluk kepada Akta penubuhannya. Selaras dengan itu, dalam tempoh lebih satu suku abad KEMENAG telah memainkan peranan penting memenuhi cita-cita dan matlamat penubuhannya. Perkara asas yang menjadi tumpuan kegiatan KEMENAG ialah sebagai agensi pengurusan haji dan umrah.

Pada umumnya, pengurusan haji dan umrah yang dikendalikan oleh KEMENAG telah berjaya memenuhi aspirasi masyarakat Islam di Indonesia. Ini terbukti apabila pengendalian yang dijayakan oleh KEMENAG telah meningkatkan bilangan para

jemaah pada setiap tahun. Peningkatan ini menunjukkan KEMENAG telah mencapai tahap 'profesionalisme' di dalam bidangnya. Namun begitu, KEMENAG hendaklah terus berusaha memikirkan langkah-langkah wajar ke arah sumbangan yang lebih berkesan dan bermutu dengan kemudahan-kemudahan yang lebih menarik perhatian umat Islam.

Dalam era kebangkitan Islam masa kini, kita lihat kesedaran nilai-nilai Islam dalam kalangan masyarakat turut meningkat. Peluang ini perlu direbut oleh KEMENAG dengan memperluaskan seruan perkhidmatannya kepada seluruh lapisan masyarakat Islam di Indonesia agar kesedaran untuk menunaikan rukun Islam kelima dapat dikobarkan dalam jiwa mereka.

Di Indonesia, penyelenggaraan ibadat haji tidak hanya dilaksanakan oleh pemerintah. Akan tetapi banyak sekali institusi-institusi swasta yang bergerak dalam bidang bimbingan ibadat haji. Namun konsep penyelenggaraan ibadat haji tidak akan berkesan apabila penyelenggaraannya tidak diserahkan secara penuh kepada pemerintah atau negara. Terutamanya dari segi bimbingannya bermula ketika di tanah air sehingga di Tanah Suci Makkah dan Madinah. Ini kerana hanya pemerintah yang boleh menyelenggarakan pelaksanaan ibadat haji dengan maksima dan berkesan iaitu dengan menggunakan segala pendekatan yang dimilikinya sama ada secara persuasif mahupun secara imperatif.

Perkara yang paling penting untuk ditangani oleh pemerintah, dan hanya pihak pemerintah sahaja yang boleh menanganinya, iaitu masalah isu perbezaan fahaman sehingga mengakibatkan perbezaan dalam pelaksanaan ibadat haji. Dalam masalah kelompok bimbingan, sepertimana yang sedia maklum, ada yang bersifat pemerintah dan ada pula yang bersifat swasta iaitu seperti KBIH Persis. Masalah sering sekali berlaku oleh kerana fahaman yang berbeza, KEMENAG mewajibkan pelaksanaan

ibadat haji mengikuti salah satu daripada empat mazhab, sedangkan PERSIS pula mengharamkan untuk mengikuti mazhab. Akhirnya masalah sering berlaku, terutamanya ketidaktertiban dan ketidakseragaman dalam pelaksanaan ibadat haji. Maka dalam hal ini, pemerintah perlu mengambil sikap agar jurang perbezaan itu tidak terlalu dalam, iaitu perlu bermusyawarah dengan pihak-pihak tertentu untuk menentukan sikap yang terbaik agar tetap tercipta kerukunan dan kedamaian di samping benar-benar menjadikan perbezaan itu adalah rahmat bagi seluruh alam, dan umat Islam khususnya.

Penyelenggaraan ibadat haji oleh pemerintah sebenarnya telah diaplikasikan semenjak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat serta pemimpin-pemimpin Islam sesudahnya. Oleh itu, cadangan mengenai penyelenggaraan ibadat haji yang dikelola oleh pemerintah sepatutnya disokong oleh semua pihak, terutamanya dari pihak pemerintah itu sendiri. Semoga dengan usaha tersebut untuk mewujudkan ketertiban, keselesaan dan ketenangan dalam penyelenggaraan ibadat haji dapat dicapai dengan sebaik-baiknya sesuai dengan matlamat yang dikehendaki oleh Allah SWT.